

18 NOV 1997

Mahathir-AS

KERAJAAN TIDAK BOLEH HALANG RAKYAT SUARAKAN PERASAAN MEREKA

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan tidak boleh menghalang rakyat Malaysia daripada menyuarakan perasaan dan sokongan mereka apabila negara dan pemimpin mereka dikritik.

"Kita tidak boleh menyuruh mereka berhenti begitu sahaja. Itu tidak mungkin. Ini perkara yang orang ramai rasai.

"Walaupun kita boleh hentikan, kita tidak boleh menghalang orang ramai daripada menyuarakan perasaan mereka apabila mereka berasa marah terhadap sesuatu perkara," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kempen satu kampung satu produk dan Promosi Pelancongan Daerah Oita 1997 di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan Duta Amerika Syarikat (AS) John Malott semalam bahawa Washington dan Kuala Lumpur harus menghentikan perbalahan untuk menjaga hubungan dua hala.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia mempunyai hak untuk menyuarakan pendapat mereka dan meluahkan perasaan mereka.

"Bukan mudah untuk menghentikan sesuatu perkara, sesuatu yang telah dimulai seperti ini. Ia tidak boleh dihentikan begitu sahaja," katanya ketika merujuk kepada draf usul oleh 34 anggota kongres AS yang meminta beliau meminta maaf atau meletak jawatan kerana didakwa membuat kenyataan anti-Yahudi.

Dr Mahathir berkata bahawa luahan perasaan dan sokongan oleh rakyat Malaysia terhadap beliau dan negara bukan dirancang atau diatur oleh kerajaan.

"Kita tidak mengatur perkara ini (memberi sokongan). Sebenarnya, kita telah memberitahu orang ramai supaya tidak mengadakan semua perhimpunan ini," katanya.

Sebagai contoh, beliau menyebut mengenai lawatannya ke Pulau Pinang semalam.

Penduduk negeri itu mahu menunjukkan sokongan mereka kepada beliau di banyak tempat walaupun mereka diberitahu untuk mengadakan perhimpunan hanya di lapangan terbang.

"Tetapi mereka kata, tidak semua daripada kami (mereka) boleh pergi ke lapangan terbang dan mereka semua mahu berhimpun dan bertemu dengan Perdana Menteri dan memberitahunya mengenai sokongan (mereka) di tempat mereka sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak boleh menyuruh rakyat supaya "tolong berhenti berkata sesuatu" setelah mereka diberitahu bahawa orang ramai bebas menyuarakan pendapat mereka.

"Begitu juga jika mereka banyak mengkritik kerajaan, kita tidak menghalang mereka. Apabila mereka mengkritik orang lain, kita juga tidak boleh menghalang mereka. Inilah apa yang sebenarnya kebebasan bersuara," kata Perdana Menteri.

Ketika ditanya mengenai kenyataan duta itu bahawa segelintir anggota kongres Amerika tidak berpuas hati dengan penjelasan beliau (Dr Mahathir) mengenai kenyataan kononnya beliau anti-Yahudi, Perdana Menteri berkata: "Ya, sebagaimana mereka enggan, rakyat kita juga enggan menerima arahan kerajaan untuk berhenti menyuarakan perasaan mereka."

"Jadi, bukan mudah untuk menghalang rakyat. Mereka (anggota kongres) mempunyai hak untuk berkata sesuatu dan rakyat kita juga mempunyai hak untuk berkata sesuatu," katanya.

Apabila seorang wartawan memberitahu Perdana Menteri bahawa nada

kenyataan Malott memberi gambaran bahawa Malaysia yang akan rugi jika ia memutuskan hubungan dengan Amerika, Dr Mahathir berkata kedua-dua negara akan rugi.

Perdana Menteri juga berkata Malaysia tidak akan memutuskan hubungannya dengan Amerika berikutan perkembangan terbaru di Washington.

"Kita tidak mahu memutuskan hubungan dengan Amerika Syarikat dan perkara ini bukan kehendak kita.

"Kita telahpun menjelaskan yang kita tidak berkata mengenai perkara itu (sebagai anti-Yahudi) tetapi mereka tetap mahu berbuat demikian (membentangkan resolusi itu) dan rakyat berasa sangat sedih, sangat marah mengenai perkara itu. Kita tidak boleh buat atau hentikan sesuatu perkara," katanya.

Ketika ditanya bagaimana beliau melihat hubungan Malaysia-Amerika, Dr Mahathir berkata bagi kedua-dua kerajaan, ianya baik.

"Cuma (tindakan) anggota-anggota kongres ini," katanya.

Mengenai kenyataan Malott bahawa orang Amerika dipersalahkan terhadap semua perkara yang tidak betul berlaku di Malaysia, Perdana Menteri berkata perkara itu tidak benar.

"Kita tidak menyalahkan orang Amerika," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, media asing telah mencemarkan imej negara ini apabila mereka melaporkan mengenai jerebu yang melanda Malaysia dan negara lain di Asia Tenggara baru-baru ini.

Media (asing) itu melaporkan mengenai keadaan jerebu yang serius tetapi apabila ianya pulih, mereka tidak membuat sebarang laporan, katanya.

"Malahan dalam satu hari, laporan bahawa terdapat jerebu di Malaysia diulang 15 kali. Dan hasilnya, hotel terpaksa berdepan dengan masalah banyak pembatalan sehingga tahun depan. Jadi, jika mereka mahu melaporkan sesuatu yang buruk mengenai Malaysia, sekurang-kurangnya laporkan juga yang keadaan itu telah bertambah baik," katanya.

Mengenai keputusan Majlis Tertinggi Barisan Nasional hari ini mengulangi sokongan mereka terhadap beliau, Dr Mahathir berkata: "Sekali lagi, itu adalah perasaan yang mereka ada. Saya fikir mereka perlu menyuarakannya." -- BERNAMA

ES RHM MAI